

Kualiti Hidup Peserta Program Ladang Kontrak di Bawah Pertubuhan Peladang Kawasan

The Quality of Life among Contract Farming Programme Participants under Local Farmers Association

Rosniza Aznie Che Rose* & Tee Meng Yong
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor
*emel: aznie@ukm.edu.my

Received: 7 August 2017; Accepted: 6 October 2017; Published: 31 December 2017

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sumbangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan tahap penyertaan peserta PPK dalam program ladang kontrak di Selangor Darul Ehsan. Kerangka kajian berdasarkan kepada dua teori utama iaitu gabungan tipologi Pretty dan model Arnstein yang digunakan untuk mengkaji tahap penglibatan peserta program ladang kontrak dan sumbangan-sumbangan PPK dalam ladang kontrak. Persampelan mudah dipilih dalam pelaksanaan kajian ini yang melibatkan seramai 108 daripada 145 jumlah keseluruhan peserta program ladang kontrak di bawah PPK. Walau bagaimanapun, daripada 108 borang soal selidik yang diedarkan hanya 98 jawapan responden yang diterima. Hasil kajian menunjukkan bahawa PPK bawah program ladang kontrak ternyata dapat meningkatkan kualiti hidup peserta dari aspek pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kesihatan dan keluarga dengan sumbangan-sumbangan PPK yang dikenal pasti berada dalam lingkungan 82.7 hingga 91.8 peratus. Sementara itu, tahap penyertaan peserta PPK di bawah program ladang kontrak boleh dikatakan pada tahap penglibatan akar umbi dan agak memberangsangkan. Penglibatan yang berada pada tahap tinggi adalah penglibatan berfungsi, penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri. Ini sejajar dengan peringkat kuasa komuniti (*citizen power*) dalam model Arnstein di mana peserta mempunyai kuasa penuh ke atas penglibatan. Lanjutan daripada itu, dengan memahami sumbangan PPK dan tahap penyertaan peserta PPK di kawasan kajian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta jabatan/agensi di bawahnya dapat melakukan penambahbaikan dalam memastikan pelaksanaan program ladang kontrak ini benar-benar mencapai sasaran dan golongan sasaran.

Kata kunci kualiti hidup, Pertubuhan Peladang Kawasan, peserta, program ladang kontrak, petani

Abstract

This study was conducted to identify the contribution of the Local Farmers Association (PPK) and the level of participation of PPK participants in the contract farming program in Selangor Darul Ehsan. The framework of the study is based on two main theories namely the combination of Pretty typology and the Arnstein model used to examine the level of engagement of contract farming program participants and its contributions in contract farming. Convenience sampling is selected in the implementation of this study involving 108 out of 145 total program participants contract farm under Local Farmers Association. However, out of 108 questionnaires distributed only 98 responses were received. The findings show that PPK under the contract farming program was able to improve the quality of life of participants in terms of income and distribution, education, health and family with the contribution of Local Farmers Association identified within the range of 82.7 to 91.8 percent. Meanwhile, the level of PPK participant's participation under the contract farming program can be said at the grassroots level of engagement and is quite encouraging. High-level engagements are functional participation, interactive participation and self-mobilisation. These are in line with the Citizen Power in Arnstein model where participants have full authority over engagement. Furthermore, by understanding the contribution of PPK and the level of participation of PPK participants in the study area, the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, as well as the departments/agencies under it may make improvements in ensuring the implementation of this Contract Farming Program really achieves targets and target groups.

Keywords quality of life, local farmers association, participants, contract farming programme, farmer

PENGENALAN

Kajian ini digubal berdasarkan permasalahan kajian yang ditemui iaitu terdapat pandangan negatif dan positif mengenai program ladang kontrak, kurang kajian kualiti hidup program ladang kontrak (hanya kajian kualiti perkhidmatan dan pendapatan), serta untuk membuktikan penyertaan dalam Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam program ladang kontrak dapat meningkatkan kualiti hidup peserta dari aspek pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kesihatan serta keluarga.

Setelah sepuluh tahun pelaksanaan program ladang kontrak terdapat pelbagai pandangan positif dan negatif mengenai program ladang kontrak yang dilaksanakan oleh kerajaan. Program ladang kontrak bukanlah merupakan satu pilihan utama masyarakat setempat di Malaysia. Hal ini kerana program ladang kontrak dianggap kurang berjaya dalam meningkatkan pendapatan peserta (Amriah et al., 2010; Amriah & Ratnawati, 2009). Namun begitu, menurut Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, program ladang kontrak telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta ladang kontrak serta kejayaan pencapaian sasaran RMK-9 dan RMK-10 (Yusrizal, 2013; Bahagian Pemasaran dan Eksport, MOA, 2006).

Selain itu, didapati kurangnya kajian terhadap kualiti hidup yang dilaksanakan ke atas program ini. Ini disebabkan kajian yang ada hanya memberi fokus kepada pendapatan dan kualiti perkhidmatan sahaja (Arumugam et al., 2010; Kaur et al., 2015; Morrison et al., 2006; Yusrizal, 2013). Tambahan pula, tiada kajian ke atas penyertaan dalam PPK dalam program ladang kontrak dapat meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup peserta di Malaysia. Kajian Coulter et al. (1999); Sokchea dan Culas (2015); Key dan Runsten (1999); Sarmila et al. 2015; Sarmila et al. 2014 merumuskan bahawa pendapatan petani dan manfaat petani dapat ditingkatkan dengan kehadiran pertubuhan peladang dalam ladang kontrak. Di samping itu, terdapat kajian yang mencadangkan agar ladang kontrak dan pertubuhan peladang boleh digabungkan dan saling melengkapi (Baumann, 2000; Coulter et al., 1999; Key & Runsten, 1999).

Kajian awal menunjukkan terdapat peningkatan pendapatan peserta ladang kontrak. Pendapatan peserta adalah konsisten kerana jaminan pemasaran hasil, kurang kos perniagaan pertanian, lebih kuasa tawar menawar, pulangan yang lebih tinggi dan sebagainya. Namun terdapat juga penyertaan dalam ladang kontrak ini yang tidak dapat meningkatkan pendapatan peserta ladang kontrak kerana tidak dapat meningkatkan kualiti produk, penyertaan pekebun kecil terhad dan kuasa tawar menawar yang rendah. Oleh itu, kajian terhadap peserta program ladang kontrak di bawah PPK di Malaysia amat diperlukan.

Secara umumnya kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan satu interpretasi terhadap pembacaan tentang definisi dan falsafah yang terkandung dalam PPK. PPK pada dasarnya bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Sungguhpun demikian, ukuran dan juga pelaporan khusus terhadap kualiti hidup yang wujud sukar dicapai dalam dunia akademik hari ini. Selain itu, kajian ini turut bertujuan untuk mengenal pasti sama ada PPK dapat membantu peserta program ladang kontrak dalam mencapai kualiti hidup yang disasarkan kerajaan. Lanjutan daripada itu, dengan memahami tahap penyertaan peserta PPK di kawasan kajian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta jabatan/agensi di bawahnya dapat melakukan penambahbaikan dalam memastikan pelaksanaan program ladang kontrak ini benar-benar mencapai sasaran dan golongan sasaran. Matlamat umum kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak dan mengkaji tahap penyertaan peserta PPK dalam program ladang kontrak.

KAJIAN LITERATUR

Kualiti Hidup

Persoalan tentang kualiti hidup banyak dibahaskan dan dikaji dalam kajian-kajian terdahulu dan ia berkaitan dengan pelbagai aspek seperti fenomena politik, sikap, tindakan, kestabilan, optimis dalam jangkaan terhadap kehidupan masa depan, kepuasan terhadap kerajaan, kuasa dan penglibatan politik (Hayward, 1979). Laporan Kualiti Hidup Malaysia (1999) mendefinisikan kualiti hidup sebagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap kurang memuaskan, kepada keadaan yang lebih baik dan memuaskan. Ia merangkumi gaya hidup sihat, kemajuan diri, akses dan kebebasan memperoleh ilmu pengetahuan serta tahap kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan hidup sosial dengan aspirasi negara (Mohd Shaladdin & Nik Wan, 2006).

Antara definisi kualiti hidup yang digunakan di Malaysia ditakrifkan merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, pencapaian dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf

hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu, mencapai tahap kesejahteraan sosial yang seiring dengan hasrat negara. Apabila sesebuah masyarakat beralih kepada suasana kehidupan yang pada amnya lebih baik, maka kualiti hidupnya dianggap telah meningkat (Jabatan Perdana Menteri, 2004; Izham et al., 2012).

Kajian mengenai kualiti hidup program ladang kontrak dan program-program pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga terlalu terhad sebagai rujukan. Kebanyakan memberi fokus kepada pendapatan peserta ladang kontrak, kualiti perkhidmatan program ladang kontrak (Yusrizal, 2013) dan kesejahteraan hidup petani MADA (Yusof et al., 2013). Manakala menurut Mohd Shaladdin dan Nik Wan (2006), negara Malaysia yang dikatakan negara mempunyai ekonomi yang berjaya oleh Bank Dunia didapati telah meminggirkan kumpulan masyarakat petani dalam proses pembangunan. Petani terletak pada kedudukan kualiti hidup yang rendah berbanding masyarakat lain. Keadaan ini berlaku disebabkan pengukuran kualiti hidup hanya berkisar kepada keadaan ekonomi dan pendapatan. Namun begitu, keadaan yang sebenar adalah lebih daripada itu. Ini turut disokong oleh Belt (2011) yang menyatakan bahawa pendapatan atau GDP bukan satu perkara yang dilihat dalam mengukur kesejahteraan hidup masyarakat. Ini disebabkan perkara lain turut diambil kira dalam mengukur kualiti hidup iaitu seperti taraf hidup, kesihatan, pendidikan, aktiviti peribadi, tadbir urus, hubungan sosial, keadaan dan keselamatan persekitaran. Aspek yang lebih luas ini turut dinyatakan dalam kajian Norizan (2003) yang menyatakan bahawa kesejahteraan hidup merangkumi pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, kesihatan, komunikasi, pengangkutan, alam sekitar, kehidupan, pendidikan dan perumahan. Oleh itu, adalah wajar kajian kualiti hidup peserta ladang kontrak dilaksanakan.

Di samping itu, menurut Belt (2011) dan Nor Malina et al. (2017) kesejahteraan hidup masyarakat bukan diukur dengan melihat kepada pendapatan atau GDP sahaja malahan ia turut merangkumi perkara-perkara seperti taraf hidup, kesihatan, pendidikan, aktiviti peribadi, tadbir urus, hubungan sosial, keadaan dan keselamatan. Walau bagaimanapun, selain mengukur perkara-perkara ini secara objektif, bagi mendapat keputusan kesejahteraan hidup yang betul-betul mewakili masyarakat maka perlu melihat perkara kesejahteraan secara subjektif. Contohnya masyarakat yang ada pekerjaan adalah lebih gembira daripada mereka yang tiada kerja, masyarakat yang hidup dalam masyarakat yang mempunyai struktur politik dan sosial yang lebih terbuka adalah lebih cenderung untuk berpuas hati dengan kehidupan mereka. Menurut Norizan (2003) pula, kesejahteraan hidup boleh dibahagi kepada dua kategori iaitu objektif dan subjektif. Kesejahteraan hidup objektif adalah seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan yang dapat dikecapi individu dan dilihat secara luaran. Kesejahteraan hidup subjektif pula adalah seperti anak-anak yang berjaya dan keluarga yang bahagia yang dapat dirasai dan dinikmati.

Konsep kesejahteraan hidup ini secara rasmi telah digunakan oleh pihak pentadbiran bermula pada tahun 2013 dengan menggantikan konsep asal iaitu kualiti hidup. Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) 1999 menjadi petunjuk utama dalam mengira tahap sosioekonomi penduduk di Malaysia. Dalam mengejar arus teknologi semasa dan perubahan sosioekonomi, maka IKHM telah digubah dan diformulasikan semula menjadi satu konsep kesejahteraan hidup yang lebih teliti dan mengambil kira banyak aspek dalam kajian kesejahteraan hidup. Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 merupakan penambahbaikan kepada Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang telah diterbitkan pada tahun 1999 bertujuan mengukur secara kuantitatif pencapaian negara dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2013). Jabatan Perdana Menteri dalam kajian Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) pada tahun 2013 turut menumpukan kepada komponen kesediaan diri dalam kualiti hidup iaitu pendidikan (item 3), kesihatan (item 7), pendapatan dan pengagihan (item 9), dan keluarga (item 5) (Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, 2013).

Menurut Azahan et al. (2006), kualiti hidup boleh dibahagikan kepada tiga iaitu akses ke bandar, kesediaan diri, dan persekitaran bandar. Selain itu, aspek akses yang baik turut menggambarkan kemampuan penduduk menggunakan kemudahan di bandar. Persekitaran bandar merupakan struktur yang sedia ada di kawasan bandar dan menjadi asas kepada komponen kesediaan diri dan akses bandar yang didasari oleh agen atau individu kepada masyarakat bandar. Kualiti kesediaan diri yang baik berbanding akses dan persekitaran bandar dan ini merupakan satu kekuatan bagi bandar pertengahan meneruskan agenda pembangunannya. Konsep kualiti hidup menjadi luas dengan pembahagian ketiga-tiga komponen ini. Bagi mewakili kehidupan agen atau individu di bandar yang sebenar pengukuran dibuat dengan sangat teliti. Ini turut dipakai guna semasa mendefinisikan makna kualiti kehidupan yang sangat luas dan banyak dibahaskan dan dikaji (Azahan et al., 2006; Azahan et al., 2008; Yusrizal, 2013). Justeru itu, bagi tujuan

pelaksanaan kajian ini, komponen kesediaan diri bagi kualiti hidup (yang merangkumi aspek pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kesihatan dan keluarga) sebagaimana yang diketengahkan oleh Azahan et al. (2006) dan Azahan et al. (2008) dan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013 (IKRM) akan digunakan sebagai alat untuk mengukur perubahan terhadap kualiti hidup yang dialami oleh peserta yang telah dipilih sebagai subjek untuk kajian.

Pertubuhan Peladang Kawasan

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah ditubuhkan pada 14 Februari 1973 melalui penggubalan Akta LPP 1973 (Akta 110) iaitu Akta Lembaga Pertubuhan Peladang. Penubuhan LPP adalah bertujuan untuk memikul tanggungjawab membantu mempertingkatkan ekonomi dan sosial masyarakat tani di bawah satu badan yang berperanan khusus. Pertubuhan Peladang (PP) di peringkat kawasan dipanggil Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), di peringkat negeri dipanggil Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan di peringkat nasional dipanggil Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) (Lembaga Pertubuhan Peladang, 2017). Tujuan penglibatan LPP dalam program ladang kontrak adalah untuk menjamin pasaran dan meningkatkan pendapatan, pengeluaran sayuran-sayuran serta buah-buahan, menggalakkan pemindahan teknologi pada rantai bekalan dan memastikan pengeluaran hasil pertanian berkualiti serta menepati kehendak pasaran.

Aspek pertubuhan peladang pula turut dikupas oleh kajian-kajian Coulter et al. (1999); Key dan Runsten (1999); Sokchea dan Culas (2015) yang mencadangkan bahawa pendapatan petani dan manfaat terhadap petani dapat ditingkatkan dengan kehadiran pertubuhan-pertubuhan peladang di dalam ladang kontrak. Perbincangan Coulter et al. (1999) memberi cadangan bahawa pertubuhan peladang dan ladang kontrak boleh diintegrasikan bersama dengan baik. Sementara itu, Key dan Runsten (1999) pula mencadangkan bahawa pertubuhan-pertubuhan peladang dapat membantu meningkatkan kuasa tawar-menawar petani dan mengurangkan kos pengoperasian pertanian. Seiring dengan itu, dalam kajian Baumann (2000); Coulter et al. (1999); Sokchea dan Culas (2015) turut menunjukkan bahawa ladang kontrak dan pertubuhan-pertubuhan peladang boleh digabungkan dan saling melengkapi. Contohnya melalui pertubuhan-pertubuhan peladang ladang kontrak mendapat kepastian dalam pasaran untuk hasil keluaran dan memiliki kuasa tawar-menawar yang lebih tinggi dalam pasaran.

PPK turut dinyatakan dapat membangunkan usahawan tani dan modal sosial dalam komuniti iaitu PPK yang disertai seperti di dalam kajian-kajian (Sarmila et al., 2014; 2015). Tambahan pula, peningkatan pendapatan peserta petani bawah persatuan/pertubuhan petani atau peladang yang mengikut program ladang kontrak di Cambodia turut menyumbang kepada pembentukan penggubalan kajian ini iaitu kajian mengenai PPK perlu dilaksanakan di Malaysia (Sokchea & Culas, 2015).

Menurut Key dan Runsten (1999), pertubuhan peladang dapat meningkatkan kuasa tawar-menawar peladang dan mengurangkan kos dalam perniagaan pertanian. Organisasi pengeluar seperti koperasi pemasaran bertindak untuk mengurangkan kos urus niaga ladang kontrak bagi firma dan petani berskala kecil. Menurut beliau juga, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) telah menggalakkan persatuan pengeluar atau pertubuhan peladang agar persatuan ini dapat digunakan dalam menguatkuasa kontrak dan memperoleh syarat-syarat kontrak yang lebih menguntungkan petani.

Urusniaga kos perolehan input dan menjual output atau hasil keluaran ladang dapat dikurangkan dengan meningkatkan maklumat dan infrastruktur pengangkutan. Seterusnya untuk penembusan pasaran yang lebih mendalam oleh pengedar input atau hasil, serta galakan institusi inovasi pengeluaran dan pemasaran koperasi dilahirkan. Sesungguhnya, kajian ini menunjukkan kemunculan Pergerakan Pemasaran Jagung (*Maize Marketing Movement*) dapat mengurangkan kos urus niaga dan menggalakkan urus niaga pasaran. Pemasaran berkumpulan ini adalah hampir sama dengan pertubuhan peladang iaitu gabungan petani-petani yang hanya mempunyai satu tujuan iaitu memberi faedah kepada peserta ladang kontrak dalam kes ini ia dapat mengurangkan kos transaksi atau kos urus niaga dalam pasaran (Alene et al., 2008).

Kajian lain yang dijalankan terhadap pembangunan usahawan tani melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) telah menunjukkan bahawa projek CSR ke atas perladangan cili kontrak di Pasir Puteh, Kelantan dapat dilaksanakan dengan baik dengan kerjasama PPK dan syarikat korporat. Hubungan baik itu berlaku kerana petani bukan sahaja berpeluang untuk memiliki, mengelola dan mengurus ladang serta menanggung risiko pengeluaran tani mereka malahan pihak swasta dan kerajaan melalui PPK membantu menyediakan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan usahawan tani ini. Projek ini merupakan salah satu jenis ladang kontrak yang dilakukan kerajaan (Sarmila et al., 2014). Kajian kes projek CSR peladang cili kontrak oleh Sarmila et al. (2015) turut menunjukkan projek ini mampu untuk membangunkan modal sosial dalam komuniti yang terlibat dengannya. Projek ini berpotensi untuk

membangunkan salah satu elemen penting dalam mencapai pembangunan komuniti iaitu modal sosial. Melalui modal sosial ini komuniti mempunyai keupayaan untuk bertindak bagi meneruskan usaha melaksanakan proses pembangunan ekonomi bagi penambah baik keadaan komuniti sedia ada. Pertubuhan komuniti yang dinyatakan dalam kes ini ialah PPK. Terdapat lima tema asas yang muncul dalam hasil kajian ini, iaitu adalah seperti : i) sering berbincang dan melakukan pertemuan; ii) hubungan yang rapat antara peladang; iii) kesediaan saling membimbing sesama peladang; iv) berkongsi masalah, kemahiran dan maklumat; dan v) usaha menanam berkumpulan. PPK boleh disimpulkan selain berperanan dalam memberikan pinjaman kredit serta berperanan untuk menyediakan suasana atau keadaan yang proaktif dalam memupuk kelahiran komuniti petani yang berjaya dengan meningkatkan kualiti hidup mereka.

Ladang Kontrak

Menurut Prowse (2012) dengan menggabungkan definisi Hamilton (2008), ladang kontrak boleh didefinisikan sebagai persetujuan kontrak bagi tempoh yang ditetapkan antara seorang petani dan sebuah firma secara lisan atau secara bertulis sebelum suatu pengeluaran bermula. Firma akan menyediakan sumber-sumber untuk petani dan/atau menentukan satu atau lebih syarat-syarat pengeluaran, satu atau lebih syarat-syarat pemasaran produk pertanian di atas tanah yang dimiliki atau dikawal oleh petani, di mana ia tidak boleh dipindah milik dan memberi hak eksklusif dan undang-undang ke atas tanaman bagi pihak firma.

Manakala di Malaysia, ladang kontrak boleh didefinisikan sebagai aktiviti memadamkan pengeluaran hasil pertanian tanaman dengan permintaan di pasaran. Pelaksanaan program ini mengambil kira semua aktiviti yang berkaitan di sepanjang rangkaian bekalan pengeluaran pertanian di mana khidmat-khidmat sokongan untuk menjayakan projek ini seperti kemudahan lepas tuai yang merangkumi pusat pengumpulan serta pusat pengedaran yang dibina dan disediakan oleh Kerajaan (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2016). Pertanian dilihat bukan sahaja menjadi amalan pertanian tradisi, sebaliknya merupakan perubahan budaya baru dalam keperluan hasil tanaman dan pengeluaran masa kini. Hal ini kerana, manusia mempunyai banyak kelebihan berbanding spesies organisma lain seperti kelebihan fizikal yang seimbang dan keupayaan mental yang tinggi. Manusia bersifat menguasai alam sekitar kerana secara ekologiinya dominan (Katiman 2013).

Penyertaan peserta PPK melalui ladang kontrak boleh membawa kepada perubahan kualiti hidup mereka dari aspek pendapatan & pengagihan, pendidikan, kesihatan dan keluarga. Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa ladang kontrak berjaya meningkatkan aspek pendapatan dan pengagihan peserta dalam lingkungan 10 hingga 50 peratus dengan signifikannya (Bellemare, 2010; Minot, 1986; Miyata et al., 2009; Warning & Key, 2002; Rao & Qaim, 2010). Ini turut disokong oleh kajian terkini Minot dan Sawyer (2014) di mana kebanyakan kes menunjukkan mengalami peningkatan pendapatan pada lingkungan 25 hingga 75 peratus. Perkara yang sama turut berlaku di Malaysia iaitu pelaksanaan program ladang kontrak di Malaysia didapati mampu meningkatkan pendapatan para petani. Ini dapat dibuktikan oleh kajian-kajian yang dijalankan di Malaysia (Arumugam et al., 2010; Kaur et al., 2015; Morrison et al., 2006). Selain itu, menurut kajian-kajian yang dilaksanakan di Malaysia PPK dapat meningkatkan pendapatan peserta program ladang kontrak dan kualiti hidup peserta di Malaysia (Coulter et al., 1999; Sokchea & Culas, 2015; Key & Runsten, 1999).

Di samping itu, aspek pendidikan peserta dikupas oleh kajian Sokchea dan Culas (2015) yang menyatakan bahawa pertubuhan peladang memberi pendidikan dari segi kepakaran dan kemahiran kepada peserta yang menyertai ladang kontrak. Contohnya, *Reasmey Stung Sen Agricultural Development Cooperative in Cambodia* (RSSADC) melaksanakan komiti pemeriksaan bagi mengawal kualiti keluaran dan memenuhi standard pasaran. Ini secara tidak langsung memberi pendidikan teknikal kepada peserta-peserta ladang kontrak mengenai standard produk keluaran yang memenuhi syarat pasaran dan cara memelihara kualiti keluaran. Pendidikan yang diberikan kepada peserta adalah dalam bentuk latihan, bantuan teknikal, input khusus, kawalan standard kualiti keluaran, teknologi dan amalan pengeluaran baik (Miyata et al., 2009; Morgan, 2006; Ramaswami et al., 2005; Sokchea & Culas, 2015). Selain itu, ladang kontrak turut memperkasakan aspek pendidikan individu melalui pembangunan pemahaman dalam rundingan kontrak, pasaran dan perakaunan serta membangunkan modal insan komuniti yang dilaksanakan oleh syarikat korporat dan agensi pembangunan ladang kontrak (Baumann, 2000; Sarmila et al., 2015). Akhirnya kemahiran yang diturunkan kepada petani ladang kontrak termasuk cara penyimpanan rekod, penggunaan sumber ladang dengan cekap, kaedah yang lebih baik untuk menggantikan bahan kimia dan baja, pengetahuan dalam kepentingan kualiti pengeluaran dan syarat-syarat dan keperluan untuk eksport

merupakan kebaikan atau sumbangan ladang kontrak kepada peserta. Pengalaman yang diperoleh semasa melakukan aktiviti pertanian turut merupakan kemahiran yang diturunkan kepada petani. Justeru itu, kesan limpahan daripada ladang kontrak turut memberi peluang kepada petani untuk membuat pelaburan infrastruktur dan modal insan. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti (Rani, 2000).


Justeru, hasil-hasil kajian membuktikan aspek kesihatan dalam kualiti hidup peserta ladang kontrak dapat ditingkatkan dengan meningkatkan kemampuan petani berbelanja lebih dalam penjagaan kesihatan dan pemakanan, penggunaan teknologi dan amalan pengeluaran baik dalam pertanian serta penggunaan standard operasi dan kaedah penanaman organik (Glover & Kusterer, 1990; Miyata et al., 2009; Ramaswami et al., 2005; Sokchea & Culas, 2015). Pemakanan dalam kalangan keluarga petani adalah lebih cenderung untuk bertambah baik daripada merosot. Ini disebabkan pendapatan isi rumah telah meningkat. Tahap pemakanan yang meningkat menunjukkan berlaku peningkatan dalam kesihatan petani dan ahli-ahli keluarga. Namun begitu, terdapat pandangan negatif mengenai ladang kontrak terhadap kesihatan petani dengan penggunaan bahan kimia dalam penanaman dan peningkatan hutang peserta serta menjejaskan kesihatan peserta (Barrett et al., 2011; Baumann, 2000).

Aspek akhir yang dikaji dalam hubungan antara PPK ladang kontrak dan kualiti hidup adalah aspek keluarga. Peningkatan pendapatan membolehkan isi rumah membuat perbelanjaan untuk isi rumah. Justeru itu mengizinkan peserta membuat pembayaran hutang isi rumah dari bentuk perumahan, kereta, peribadi, kewangan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa aspek keluarga dapat ditingkatkan (Minot, 1986). Kemasukan wanita sebagai tenaga kerja dalam pengeluaran jagung dapat meningkatkan pendapatan keluarga membolehkan mereka memenuhi keperluan asas, tempat tinggal, pakaian pendidikan untuk kanak-kanak dan ubat-ubatan. Ini secara tidak langsung meningkatkan aspek keluarga kualiti hidup peserta (Morgan, 2006). Kebanyakan kajian turut menunjukkan bahawa isi rumah peserta ladang kontrak menikmati tahap kebajikan yang lebih tinggi, menurunkan 'tempoh musim lapar' yang dialami isi rumah, mengurangkan ketidakstabilan jumlah pendapatan isi rumah, menyenangkan kehidupan dan daya saing peserta dalam meneruskan kontrak, mengurangkan kemiskinan peserta serta meningkatkan pulangan dan memperbaiki kehidupan peserta (Barrett et al., 2011; Bellemare, 2010; Simmons et al., 2005).

TEORI KAJIAN

Kerangka kajian (Rajah 1) berdasarkan kepada dua teori utama iaitu gabungan Tipologi Pretty dan Model Arnstein (Pretty, 1995; Arnstein, 1969) yang digunakan untuk mengkaji tahap penglibatan peserta program ladang kontrak dan sumbangan-sumbangan PPK dalam ladang kontrak yang dikemukakan dalam kajian (Sokchea & Culas, 2015). Pernyataan-pernyataan di dalam Mowforth dan Munt (1998) turut digunakan untuk menerangkan lebih jelas tentang penglibatan-penglibatan tersebut. Penglibatan yang dikaji terdiri daripada penglibatan manipulatif, penglibatan pasif, penglibatan melalui perundingan, penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan oleh penduduk, penglibatan berfungsi, penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri.

Sumbangan-sumbangan yang dikaji pula terdiri daripada meningkatkan pendapatan, menjamin pemasaran hasil, mengurangkan kos perniagaan pertanian, menyediakan lebih banyak kuasa tawar menawar, pulangan yang lebih tinggi, meningkatkan kualiti produk, menyasarkan pasaran khusus, penyertaan pekebun kecil dalam ladang kontrak dan pengumpulan aset produktif semua petani (besar, sederhana dan kecil).



Rajah 1 Kerangka kajian

Sumber: Diubahsuai daripada Arnstein (1969); Haslina & Regina (2009); Pretty (1995); Mowforth & Munt (1998) dan Sokchea & Culas (2015)

Manakala Jadual 1 menunjukkan tahap penglibatan yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini dengan menggabungkan Tipologi Pretty dan Model Arnstein. Ciri-ciri penglibatan manipulatif dalam Tipologi Pretty adalah sama dengan penglibatan secara manipulasi Model Arnstein. Penglibatan pasif Tipologi Pretty pula adalah sama dengan ciri di penglibatan secara terapi Model Arnstein. Penglibatan melalui perundingan, penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan dan penglibatan berfungsi adalah sama dengan ciri-ciri dalam penglibatan melalui pemberitahuan/makluman dalam Model Arnstein. Akhirnya, penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri Tipologi Pretty adalah sama dengan penglibatan secara kerjasama/usaha sama, penglibatan secara pembahagian kuasa dan penglibatan penuh (kawalan sepenuhnya oleh komuniti). Selain itu, gabungan Tipologi Pretty dan Model Arnstein turut memaparkan tangga penyertaan komuniti dalam Model Arnstein yang terdiri daripada bukan penyertaan (*nonparticipation*), amalan tanda (*tokenism*) dan kuasa komuniti (*citizen power*).

Jadual 1 Tipologi dalam penglibatan komuniti

Pretty (1995)	Arnstein (1969)	Tangga penyertaan komuniti
1. Penglibatan manipulatif	1. Penglibatan secara manipulasi	Bukan penyertaan/ <i>nonparticipation</i>
2. Penglibatan pasif	2. Penglibatan secara terapi	
3. Penglibatan melalui perundingan	3. Penglibatan melalui pemberitahuan/makluman	Amalan tanda/ <i>Tokenism</i>
4. Penglibatan bermotivasikan	4. Penglibatan melalui perundingan pulangan material yang diperlukan oleh penduduk	
5. Penglibatan berfungsi	5. Penglibatan secara pujukan	
6. Penglibatan interaktif	6. Penglibatan secara kerjasama/ usaha sama	Kuasa Komuniti/ <i>Citizen power</i>
7. Penglibatan pergerakan sendiri	7. Penglibatan secara pembahagian kuasa	
	8. Penglibatan penuh (kawalan sepenuhnya oleh komuniti)	

Sumber: Diubahsuai daripada Arnstein (1969), Haslina & Regina (2009) dan Pretty (1995)

METOD KAJIAN

Data primer dan data sekunder merupakan data yang dikumpul dalam kajian ini. Data-data ini dikumpulkan untuk mengetahui maklumat dan keadaan peserta PPK di bawah program ladang kontrak di Selangor Darul Ehsan. Data primer kajian ini diperolehi dengan menggunakan borang soal selidik dan pemerhatian ketika mengedarkan borang soal selidik di Selangor Darul Ehsan. Kawasan kajian merangkumi daerah Hulu Langat, Hulu Selangor, Klang, Kuala Langat, Kuala Selangor, Petaling, Sabak Bernam dan Sepang. Manakala data sekunder seperti minit mesyuarat, laporan dan kertas kerja diperolehi daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Data-data sekunder ini sangat berguna dalam membantu pengkaji dalam memahami pelbagai konsep kajian sebelum ini dan memberikan idea umum yang mempunyai hubung kait dengan kajian.

Selangor Darul Ehsan dipilih sebagai skop bagi kawasan kajian ini disebabkan Selangor merupakan salah satu buah negeri yang mengeluarkan enam produk utama ladang kontrak iaitu nanas, pisang, tembikai, labu manis, cili merah dan timun yang mewakili 60 peratus jumlah keluasan tanaman yang berdaftar bawah program ladang kontrak (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 2012). Sementara itu, menurut hasil keluaran ladang kontrak 2015, hasil keluaran Selangor merupakan yang tertinggi dalam kalangan negeri di seluruh negara (MOA, 2016). Persampelan mudah dipilih dalam pelaksanaan kajian ini kerana teknik ini adalah teknik yang berdasarkan penyelidikan mengambil individu secara mudah dan boleh memberi kerjasama yang dapat membantu kajian ini dilakukan (Othman, 2013). Populasi peserta program ladang kontrak di bawah PPK adalah seramai 145 orang. Sementara itu, berpandukan pemilihan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970), saiz sampel adalah 108 orang peserta PPK di bawah program ladang kontrak di kawasan kajian. Walau bagaimanapun, daripada 108 borang soal selidik yang diedarkan hanya 98 jawapan responden yang diterima kerana responden tiada di rumah, berpindah, enggan memberikan kerjasama dan sebagainya. Bagi tujuan penganalisan data, perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) digunakan. Data yang diperolehi ini dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Sumbangan Pertubuhan Peladang Kawasan di Bawah Program Ladang Kontrak

Hasil kajian dianalisis dengan 98 orang responden yang diterima. Hasil kajian yang dianalisis pada bahagian ini ialah sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak. Untuk memudahkan proses menganalisis skala likert 3 peringkat telah dikelaskan kepada 3 tahap seperti dalam Jadual 2 dan Jadual 3. Nilai 2.34 hingga 3.00 adalah terletak di tahap yang paling tinggi, 1.67 hingga 2.33 pada tahap sederhana dan 1.00 hingga 1.66 di tahap yang paling rendah.

Jadual 2 Nilai skor min

Nilai Skor Min	Tahap
2.34 hingga 3.00	Tinggi
1.67 hingga 2.33	Sederhana
1.00 hingga 1.66	Rendah

Sumber: Olahan Pengkaji (2017)


Jadual 3 Ringkasan Item

Item	Ringkasan
Tidak Setuju	TS
Tidak Pasti	TP
Setuju	S

Sumber: Olahan Pengkaji (2017)

Rajah 2 menunjukkan sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak. Sumbangan tersebut adalah seperti meningkatkan pendapatan, menjamin pasaran, mengurangkan kos perniagaan, lebih kuasa tawar-menawar, menjamin pulangan, meningkatkan kualiti produk, menyasar pasaran khusus, penyertaan pekebun kecil dan pengumpulan aset produktif. Antara sumbangan yang paling dipersetujui responden adalah sumbangan meningkatkan pendapatan responden iaitu 91.8 peratus. Ini diikuti sumbangan menjamin

pasaran (90.8 %), penyertaan pekebun kecil (86.7 %), mengurangkan kos perniagaan (85.7 %), meningkatkan kualiti produk (85.7 %), lebih kuasa tawar-menawar (84.7 %), menjamin pulangan (83.7 %), menyasar pasaran khusus (82.7 %) dan pengumpulan aset produktif (82.7 %).



Rajah 2 Sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak

Sumber: Kajian lapangan (2017)

Hasil dapatan ini turut disokong dengan skor nilai min di mana kesemua sumbangan yang dinyatakan adalah pada tahap tinggi iaitu 2.34 hingga 3.00. Skor min turut membuktikan semula bahawa PPK di bawah program ladang kontrak dapat meningkatkan pendapatan peserta. 2.92 merupakan skor nilai min bagi sumbangan peningkatan pendapatan peserta. Seterusnya, menjamin pasaran merupakan sumbangan yang kedua tinggi tahapnya iaitu 2.91. Skor min yang ketiga tinggi adalah penyertaan pekebun kecil 2.87 min. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa PPK di bawah program ladang kontrak telah membuka peluang kepada pekebun kecil dalam menyertai program ladang kontrak. Sumbangan seperti mengurangkan kos perniagaan dan meningkatkan kualiti produk merupakan sumbangan yang keempat tinggi, masing-masing memberikan skor min 2.86. Lebih kuasa tawar menawar merupakan sumbangan kelima tertinggi iaitu dengan nilai skor min 2.85. Akhirnya sumbangan paling rendah adalah menjamin pulangan, menyasar pasaran khusus dan pengumpulan aset produktif, masing-masing memberikan nilai skor min 2.83.

PPK di bawah program ladang kontrak telah memberi sumbangan yang besar kepada peserta di Selangor Darul Ehsan. Sumbangan-sumbangan yang dikenal pasti adalah ia dapat meningkatkan pendapatan peserta (91.8 %). Penyertaan dalam PPK di bawah program ladang kontrak dapat membantu untuk meningkatkan pendapatan mereka. Ini disebabkan PPK di bawah program ladang kontrak memberi fokus lebih kepada peserta di bawahnya dan sentiasa memastikan keuntungan berpihak kepada peserta. Keadaan ini berbeza dengan peserta yang bukan PPK di mana keuntungan mereka tidak diberi perhatian dan hanya di atas usaha diri sendiri sahaja. Selain itu, PPK di bawah program ladang kontrak turut dikenal pasti bahawa PPK dapat membantu dalam menjamin pemasaran kepada hasil keluaran peserta iaitu 90.8 peratus. Ini disebabkan untuk meneguhkan keuntungan kepada semua peserta bawah PPK, PPK akan sentiasa memastikan pasaran yang terjamin semasa kontrak ditandatangani. Tambahan pula PPK akan meneguhkan kerjasama FAMA dan jabatan/agensi kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar bersedia untuk menjamin dan membantu dalam pemasaran hasil keluaran. Keadaan ini amat

berbeza dengan petani persendirian yang terpaksa menghadapi masalah pemasaran hasil keluaran. Mengurangkan kos perniagaan pertanian turut merupakan sumbangan PPK yang seterusnya (85.7 peratus). Ini disebabkan bantuan input perkhidmatan yang disediakan kepada peserta PPK bawah program ladang kontrak adalah seperti perkhidmatan pemasaran dan pepadanan pasaran, khidmat nasihat teknikal, kemudahan input pertanian, kemudahan pembangunan dan infrastruktur pemasaran dan kemudahan kredit (pinjaman) diberikan kepada peserta. Melalui cara ini, kos perniagaan pertanian dapat diminimumkan dan kesannya adalah peningkatan pendapatan peserta.

Di samping itu, PPK bawah program ladang kontrak turut meningkatkan kuasa tawar-menawar kepada petani iaitu sebanyak 84.7 peratus. Ini disebabkan PPK akan memastikan tawaran yang paling tinggi diberikan kepada peserta berbanding dengan petani yang bukan peserta. Ini disebabkan PPK biasanya mempunyai ramai peserta, dengan kuasa peserta yang ramai ini ia dapat meningkatkan kuasa tawar-menawar kepada petani. Keadaan yang sebaliknya berlaku jika petani persendirian yang terpaksa akur dengan kontrak yang tidak berapa menguntungkan mereka. Menjamin pulangan yang lebih tinggi merupakan sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak yang seterusnya (83.7 peratus). PPK akan memastikan peserta mendapat pulangan yang tinggi melalui jaminan pemasaran hasil keluaran, kos perniagaan pertanian yang lebih rendah dan kuasa tawar-menawar yang tinggi. Dengan ini, pulangan peserta akan menjadi lebih tinggi berbanding dengan peserta yang tidak menyertai PPK.

Sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak yang lain adalah seperti membantu dalam meningkatkan kualiti produk/hasil keluaran iaitu 85.7 peratus. Khidmat nasihat teknikal, kemudahan input pertanian dan kemudahan pembangunan dan infrastruktur pemasaran yang disediakan membantu dalam meningkatkan kualiti produk/hasil keluaran. Tambahan pula amalan pertanian baik (MyGAP) yang dilaksanakan turut memastikan hasil keluaran pada tahap yang standard dan berkualiti. Dengan adanya bantuan daripada jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, pasaran yang khusus dapat disasarkan (82.7 peratus). Pasaran khusus yang disasarkan dapat membantu dalam menjamin pemasaran serta meningkatkan pendapatan peserta. Ini turut merupakan sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak. Selain itu, peserta pekebun kecil turut memperoleh faedah daripada ladang kontrak. Ini disebabkan pekebun kecil biasanya tidak menarik perhatian firma untuk membolehkan mereka menyertai program ladang kontrak. Namun begitu, melalui penyertaan PPK, pekebun kecil dapat memperoleh faedah yang diperoleh melalui program ladang kontrak. Sebanyak 86.7 peratus peserta bersetuju dengan kenyataan ini.

Sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak yang terakhir ialah peserta ini dikatakan dapat mengumpulkan aset produktif iaitu aset yang digunakan untuk pengeluaran hasil dengan bergabung dengan petani (besar, sederhana dan kecil) di bawah PPK program ladang kontrak (82.7 peratus). Pengumpulan aset produktif ini membolehkan peserta melaksanakan program ini tanpa masalah dan kekangan yang besar dengan adanya kerjasama daripada semua peserta yang bergabung.

Tahap Penyertaan Peserta PPK Dalam Program Ladang Kontrak

Tahap penyertaan peserta PPK dalam program ladang kontrak boleh dilihat melalui penglibatan-penglibatan seperti penglibatan manipulatif, penglibatan pasif, penglibatan melalui perundingan, penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan oleh pendudukan, penglibatan berfungsi, penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri iaitu pengurusan melalui kaedah bukan perundingan (Muhammad Rizal et al., 2011). Penglibatan manipulatif merupakan penglibatan di mana penyertaan peserta dalam program ini hanyalah nama sahaja dan tidak mempunyai kuasa sebenarnya dalam membuat keputusan atau menyuarakan pendapat. Mereka adalah boneka kepada pihak tertentu yang berkuasa. Hasil kajian menunjukkan bahawa 20 peratus ke atas responden tidak bersetuju dengan penglibatan peserta hanya nama sahaja, komuniti tidak berkuasa dan tidak dapat bersuara dan keputusan dan kuasa terletak di pihak berkuasa (agensi/jabatan) yang berpengaruh sahaja. Masing-masing 25.5 peratus, 24.5 peratus dan 23.5 peratus. Ini turut disokong skor nilai min ketiga-tiga perkara yang berada di tahap sederhana 1.67 hingga 2.33. Ini disebabkan peserta tidak bersetuju dengan perkara di bawah penglibatan manipulatif di mana keadaan sebenarnya, peserta turut melakukan penglibatan dalam ladang kontrak, berkuasa dan dapat bersuara serta membuat keputusan dan mempunyai kuasa yang sama dengan pihak berkuasa (jabatan/agensi). Tambahan pula purata skor nilai min penglibatan manipulatif adalah pada tahap sederhana. Dengan ini, ia menunjukkan bahawa tahap penyertaan peserta PPK dalam program ladang kontrak bawah Penglibatan Manipulatif adalah pada tahap yang sederhana.

Penglibatan pasif adalah penglibatan di mana maklum balas peserta dalam suatu projek tidak diminta dan keputusan dibuat oleh pihak berkuasa/penggerak. Tambahan pula, pendapat profesional luar dianggap

lebih penting daripada pandangan peserta. Penglibatan dalam projek setelah keputusan dibuat oleh pihak penggerak, maklum balas peserta tidak diminta dan pembangunan masih bukan di bawah kawalan peserta merupakan perkara yang dikaji bawah penglibatan pasif. Kebanyakan responden didapati tidak pasti mengenai penglibatan pasif ini. Ini ditunjukkan dalam jawapan tidak pasti responden adalah pada 60.2 peratus (keputusan pihak penggerak), 50 peratus (maklum balas tidak diminta) dan 51 peratus (bukan bawah kawalan peserta). Tahap bagi penglibatan pasif ini adalah pada peringkat sederhana iaitu 1.67 hingga 2.33. Ini disebabkan kebanyakan peserta tidak pasti perkara-perkara di bawah penglibatan pasif. Purata skor nilai min penglibatan peserta adalah pada tahap sederhana yang bermaksud peserta turut terlibat dalam buat keputusan projek, maklum balas peserta turut diminta dan peserta turut tidak mempunyai kawalan terhadap projek. Oleh itu, boleh dikatakan tahap penglibatan pasif peserta PPK dalam program ladang kontrak adalah sederhana. Hasil purata skor nilai min pada tahap yang sederhana bagi kedua-dua perkara ini menunjukkan penglibatan peserta PPK program ladang kontrak bukan pada peringkat permulaan disebabkan penyertaan peserta bukan nama sahaja dan penglibatan peserta adalah bukan pasif kerana peserta turut terlibat dalam membuat keputusan projek. Kedua-dua penglibatan di atas turut jatuh dalam hierarki Model Arnstein (1969) iaitu penglibatan secara manipulasi dan penglibatan secara terapi di mana penyertaan adalah pada peringkat awal - bukan penyertaan (*nonparticipation*). Tahap yang sederhana menunjukkan hanya segelintir penyertaan peserta bukan pada tahap peringkat awal – bukan penyertaan (*nonparticipation*).

Penglibatan melalui perundingan merupakan tahap penyertaan yang dikaji seterusnya. Penglibatan melalui perundingan bermaksud agensi meminta pandangan dan input peserta mengenai projek. Selain itu, perkongsian maklumat sehalu sahaja di mana pandangan peserta boleh tidak dihiraukan. Agensi meminta pandangan input peserta mendapat 39.8 peratus persetujuan responden. Manakala dalam perkara kurang kawalan peserta pula, 22.4 peratus peserta tidak bersetuju dengan perkara ini. Perkara perkongsian maklumat sehalu iaitu tidak perlu terima pandangan peserta turut tidak dipersetujui oleh responden peserta 31.6 peratus. Bagi merujuk kepada skor nilai min pula, perkara pandangan input peserta mengenai projek adalah pada tahap tinggi iaitu 2.39. Manakala kurang kawalan peserta dan perkongsian maklumat sehalu adalah pada tahap sederhana, masing-masing 1.9 dan 1.86. Ini menunjukkan bahawa, hanya pandangan input peserta berada pada tahap tinggi (2.34 hingga 3.00), manakala dua perkara yang lain berada pada tahap sederhana sahaja (1.67 hingga 2.33). Namun begitu, purata skor nilai min untuk penglibatan melalui perundingan adalah pada tahap sederhana.

Seterusnya, penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan penduduk merupakan tahap penyertaan yang dikaji. Penglibatan ini bermaksud peserta menawarkan sumber dalam bentuk tenaga buruh dan tanah bagi mendapatkan pulangan dalam bentuk material atau wang atau insentif kebendaan. Tambahan itu, peserta tidak didedahkan kemahiran baru yang bermanfaat pada masa hadapan sekiranya projek selesai. Hasil menunjukkan bahawa responden bersetuju dengan perkara peserta tawar sumber (tenaga buruh dan tanah) bagi mendapatkan pulangan material atau wang atau insentif kebendaan sebanyak 55.1 peratus. Ini turut disokong oleh skor nilai min di mana ia pada tahap tinggi 2.4. Manakala perkara peserta tidak didedahkan kemahiran baru yang bermanfaat pada masa hadapan oleh penduduk sekiranya projek selesai hanya mendapat persetujuan 38.8 peratus responden sahaja. Skor nilai min turut menyatakan bahawa perkara ini adalah pada tahap sederhana iaitu 2.15. Manakala purata skor nilai min adalah pada tahap sederhana.

Penglibatan berfungsi bermaksud peserta dilibatkan dalam projek hanya setelah keputusan dibuat oleh pakar luar. Tambahan pula penglibatan peserta dilihat membantu mencapai matlamat projek dan peserta turut terlibat dalam membuat keputusan dalam hubungan dua hala dengan pihak berkuasa. Hasil ini merangkumi keputusan penting dibuat oleh pakar luar, peserta hanya membantu mencapai matlamat projek dan peserta turut terlibat dalam membuat keputusan bagi sesetengah perkara. Bagi perkara membantu mencapai matlamat projek, 57.1 peratus responden bersetuju mengenai perkara ini. Keputusan ini turut disokong oleh skor nilai min di mana perkara bawah penglibatan berfungsi iaitu bantu capai matlamat projek dan turut membuat keputusan adalah pada tahap tinggi 2.34 hingga 3.00. Bagi perkara keputusan penting oleh pakar luar pula adalah pada tahap sederhana, nilai min 2.1. Walau bagaimanapun, purata skor nilai min penglibatan berfungsi adalah pada tahap tinggi.

Penglibatan melalui perundingan, penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan oleh penduduk dan penglibatan berfungsi adalah sama dengan ciri-ciri yang dikemukakan dalam hierarki 3, Model Arnstein (1969) iaitu penglibatan melalui pemberitahuan /makluman. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan adalah terletak peringkat amalan tanda (*tokenism*) dalam Model Arnstein di mana

pandangan dan input peserta diminta dalam membuat keputusan.

Perkara seterusnya adalah penglibatan interaktif. Penglibatan interaktif bermaksud penglibatan peserta dalam projek adalah hak dan bukan sekadar objek mencapai matlamat. Peserta dikatakan dilibatkan dalam proses perancangan dan membuat keputusan dan kaedah pembelajaran yang menggunakan pendekatan pelbagai bidang yang sistematik. Selain itu, peserta mempunyai kawalan yang signifikan ke atas projek. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan responden bersetuju bahawa peserta mempunyai hak dan bukan sebagai objek mencapai matlamat, terlibat dalam proses perancangan dan keputusan, pendekatan pelbagai bidang dan kaedah pembelajaran dan kawalan signifikan ke atas projek. Masing-masing memberikan bacaan peratus responden 54.1 peratus, 56.1 peratus, 57.1 peratus dan 57.1 peratus. Hasil kajian ini turut disokong keputusan skor nilai min bagi kesemua perkara di bawah penglibatan interaktif adalah pada tahap tinggi (2.34 hingga 3.00). Manakala purata skor nilai min adalah pada tahap tinggi. Ini secara tidak langsung menyatakan peserta bersetuju bahawa mereka mempunyai hak dan bukan objek mencapai matlamat, terlibat dalam proses perancangan dan membuat keputusan, pendekatan pelbagai bidang dan kaedah pembelajaran dan kawalan signifikan ke atas projek.

Penglibatan pergerakan sendiri merupakan perkara terakhir yang dikaji di bawah tahap penyertaan peserta PPK, ia merangkumi tanpa bergantung pada institusi luar, jalin hubungan dengan agensi luar, dan penglibatan dicapai dengan bantuan pihak kerajaan/NGO. Penglibatan pergerakan sendiri bermaksud peserta mempunyai inisiatif dalam melaksanakan projek pembangunan tanpa bergantung kepada institusi luar dan peserta menjalin hubungan dengan agensi luar dalam mendapatkan sumber dan nasihat teknikal tetapi mempunyai kawalan penuh ke atas sumber. Tambahan penglibatan ini boleh dicapai sekiranya pihak kerajaan atau NGO memberi bantuan dan sokongan kepada peserta. Hasil dapatan menunjukkan 72.4 peratus responden bersetuju penglibatan ini boleh dicapai sekiranya pihak kerajaan atau NGO memberi bantuan dan sokongan. Seterusnya 64.3 peratus responden bersetuju dengan perkara peserta mempunyai inisiatif dalam melaksanakan projek pembangunan tanpa bergantung pada institusi luar bersetuju dengan pembangunan tanpa gantung institusi luar. Akhirnya 63.3 peratus peserta bersetuju bahawa peserta menjalin hubungan dengan agensi luar dalam mendapatkan sumber dan nasihat teknikal tetapi mempunyai kawalan penuh ke atas penggunaan sumber. Hasil kajian ini turut disokong skor nilai min kesemua perkara yang dikaji adalah pada tahap tinggi 2.34 hingga 3.00, masing-masing 2.62 (tanpa gantung institusi luar), 2.62 (jalin hubungan agensi luar) dan 2.71 (dicapai dengan bantuan pihak kerajaan/NGO). Tambahan pula purata skor nilai min adalah pada tahap tinggi.

Kedua-dua penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri dalam Tipologi Pretty adalah sama dengan peringkat kuasa komuniti (*citizen power*) dalam model Arnstein -penglibatan secara kerjasama/usaha sama, penglibatan secara pembahagian kuasa dan penglibatan penuh (kawalan sepenuhnya oleh komuniti). Penglibatan-penglibatan adalah pada tahap purata skor nilai min yang tinggi. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa peserta program ladang kontrak adalah pada peringkat yang paling akhir tangga Model Arnstein yang bermaksud penglibatan peserta dalam projek adalah hak dan bukan sekadar objek mencapai matlamat, peserta terlibat dalam proses perancangan dan membuat keputusan, pembelajaran pelbagai bidang dan sistematik dan peserta mempunyai kawalan signifikan ke atas projek yang dilaksanakan. Tambahan pula, peserta dikatakan mempunyai inisiatif dalam melaksanakan projek pembangunan tanpa bergantung kepada institusi luar, peserta menjalin hubungan dengan agensi luar dalam mendapatkan sumber dan nasihat teknikal tetapi mempunyai kawalan penuh ke atas penggunaan sumber serta penglibatan ini dapat dicapai dengan adanya sokongan jabatan/agensi atau NGO seperti apa yang dilaksanakan kerajaan sekarang.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa PPK bawah program ladang kontrak ternyata dapat meningkatkan kualiti hidup peserta dari aspek pendapatan dan pengagihan, pendidikan, kesihatan dan keluarga dengan sumbangan-sumbangan PPK yang dikenal pasti iaitu meningkatkan pendapatan, menjamin pasaran, penyertaan pekebun kecil, mengurangkan kos perniagaan, meningkatkan kualiti produk, lebih kuasa tawar-menawar, menjamin pulangan, menyasar pasaran khusus dan pengumpulan aset produktif berada di dalam lingkungan 82.7 peratus hingga 91.8 peratus. Ini telah menunjukkan bahawa PPK dapat membantu peserta program ladang kontrak dalam mencapai kualiti hidup yang disasarkan kerajaan. Sementara itu, tahap penyertaan peserta PPK di bawah program ladang kontrak boleh dikatakan pada tahap penglibatan akar umbi dan agak memberangsangkan. Penglibatan yang berada pada tahap tinggi adalah penglibatan

berfungsi, penglibatan interaktif dan penglibatan pergerakan sendiri. Ini sejajar dengan peringkat kuasa komuniti (*citizen power*) dalam Model Arnstein di mana peserta mempunyai kuasa penuh ke atas penglibatan. Manakala penglibatan yang berada pada tahap sederhana adalah penglibatan manipulatif, penglibatan pasif, penglibatan melalui perundingan dan penglibatan bermotivasikan pulangan material yang diperlukan oleh penduduk. Ini menunjukkan tahap penyertaan peserta PPK adalah tinggi di kawasan kajian dan peserta PPK di bawah program ladang kontrak telah memberi kesan yang positif ke atas kualiti hidup peserta.

Lanjutan daripada itu, dengan memahami sumbangan PPK dan tahap penyertaan peserta PPK di kawasan kajian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta jabatan/agensi di bawahnya dapat melakukan penambahbaikan dalam memastikan pelaksanaan program ladang kontrak ini benar-benar mencapai sasaran dan golongan sasaran. Cadangan kajian untuk kajian akan datang boleh dikaji berdasarkan sumbangan PPK di bawah program ladang kontrak adalah perubahan sebelum menyertai dan selepas menyertai PPK bagi memperkukuhkan lagi sumbangan-sumbangan yang telah dikenal pasti. Selain itu, kajian ini hanya bertumpu di negeri Selangor Darul Ehsan. Oleh itu, kajian di seluruh Malaysia boleh dilaksanakan bagi memperoleh hasil yang lebih menyeluruh. Di samping itu, kajian mengenai faktor globalisasi, faktor kelestarian turut boleh dilaksanakan ke atas program ladang kontrak bagi menguatkan lagi kelestarian program ini.

RUJUKAN

- Alene, A. D., Manyong, V. M., Omany, G., Mignouna, H. D., Bokanga, M. & Odhiambo, G. (2008). Smallholder market participation under transactions costs: Maize supply and fertilizer demand in Kenya. *Food Policy*, 33(4), 318–328. Diperoleh daripada doi:10.1016/j.foodpol.2007.12.001
- Amriah Buang & Ratnawati Yuni Suryandari. (2009). Pertanian kontrak sebagai satu kaedah memajukan petani kecil Melayu : Tanggapan dan penilaian komuniti tani tempatan di zon utara, Semenanjung Malaysia prestasi program Pertanian Kontrak FAMA. *Malaysia Journal of Society and Space*, 5(1), 11–22.
- Amriah Buang, Mohd Azlan Abdullah & Rosmiza Mohd Zainol. (2010). Memajukan petani kecil Melayu menerusi Pertanian Kontrak - Persepsi dan penilaian peserta projek dan komuniti tempatan. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 6(1), 68–80. Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/geografia>
- Arnstein, S. R. (1969). A ladder of citizen participation. *Journal of American Institute of Planners (JAIP)*, 35(4), 216–224.
- Arumugam, N., Fatimah, M. A., Chiew, E. F. C. & Zainalabidin, M. (2010). Supply chain analysis of fresh fruits and vegetables (FFV): Prospects of contract farming. *Agricultural Economic*, 56(9), 435–442. Diperoleh daripada <http://psasir.upm.edu.my/11379/>
- Azahan Awang, Abdul Hadi Harman Shah & Kadaruddin Aiyub. (2008). Penilaian makna kualiti hidup dan aplikasinya dalam bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. *Akademika*, 72, 45–68. Diperoleh daripada <http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/akademika/jademik.html>
- Azahan Awang, Abdul Samad Hadi, Jamaluddin Md. Jahi, Asmah Ahmad & Abdul Hadi Harman Shah. (2006). Mendefinisi semula makna kualiti hidup masyarakat bandar dalam konteks ilmu sosial. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 7, 19–32.
- Bahagian Pemasaran dan Eksport, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. (2006). *Programme Charter Program Ladang Kontrak*. Tidak diterbitkan.
- Barrett, C. B., Bachke, M. E., Bellemare, M. F., Michelson, H. C., Narayanan, S. & Walker, T. F. (2011). *Smallholder Participation in Contract Farming: Comparative Evidence from Five Countries*. World Development (revised version): 47.
- Baumann, P. (2000). *Equity and efficiency in contract farming schemes: The experience of agricultural tree crops. Working Paper 139*. Overseas Development Institute, London. Diperoleh daripada <http://www.odi.org/sites/odi.org.uk/files/odi-assets/publications-opinion-files/2730.pdf>
- Bellemare, M. F. (2010). *As you sow, so shall you reap: The welfare impacts of contract farming*. Munich Personal RePEc Archive (MPRA) 52.
- Belt, R. van de. (2011). *It's more than the economy, stupid*. Economic Research Department. Netherlands: Rabobank. Diperoleh daripada <http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=a9h&AN=10522611&site=ehost-live>
- Coulter, J., Goodland, A., Tallontire, A. & Stringfellow, R. (1999). Marrying farmer cooperation and contract farming for service provision In a Liberalising Sub-Saharan Africa. *ODI Natural Resource Perspectives*, 1(48), 1–4.

- Glover, D. & Kusterer, K. (1990). *Small farmers, big business - contract farming and rural development*. Macmillan International Political Economy Series. England: MacMillan Distribution Ltd.
- Haslina Hashim & Garai Abdullah Regina. (2009). Penglibatan komuniti dalam program pembangunan luar bandar: Kajian kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. *Akademika*, 77, 41–67. Diperoleh daripada <http://pkukmweb.ukm.my/~penerbit/akademika/jademik.html>
- Hayward, F. (1979). Perceptions of well-being in Ghana: 1970 and 1975. *African Studies Review*, 22(1), 109–125. Diperoleh daripada http://journals.cambridge.org/abstract_S0002020600018758
- Jabatan Perdana Menteri. (2004). *Kualiti Hidup Malaysia 2004*. Jabatan Perdana Menteri.
- Hamilton, N.D. (2008). *Agricultural contracting: A United States perspective and issues for India to consider*. Dlm A. Gulat, P.K. Joshi and M. Landes (eds.). *Contract Farming in India: A Resource Book*.
- Izham M. Yusoff, Wan Rozali W. Hussin, Fatimah Hassan, Nurwati Badarulzaman, Mohamed Z. Omar & Main Rindam. (2012). Improving the quality of social life: A case study in FELDA Trolak Group, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *Perspektif*, 4(2), 99-113.
- Katiman Rostam. (2013). Cultural deprivation: It's impact on the environment and man. *Geografi*, 1(1), 23-47. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=d3e3e11d-a9a4-4ea2-901b-7b62a6eae59e.pdf>
- Kaur, B., Kamarulzaman, N. H., & Hamzah, N. A. (2015). The impact of public-assisted contract farming programmes in Malaysia. *Journal of Agribusiness Marketing*, 7, 1–15.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. (2017). *Projek berimpak besar*. Diperoleh daripada <http://www.moa.gov.my/web/guest/projek-berimpak-besar> [20 April 2017].
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. (2016). *Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu Ladang Kontrak MOA*. Tidak diterbitkan.
- Key, N., & Runsten, D. (1999). Contract farming, smallholders, and rural development in Latin America: The organization of agroprocessing firms and the scale of outgrower production. *World Development*, 27(2), 381–401.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). *Determining sample size for research activities*. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. Diperoleh daripada <http://opa.uprrp.edu/InvInsDocs/KrejcieandMorgan.pdf>
- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). (2012). *Kertas kerja lisan Confertech oleh FAMA*. Tidak diterbitkan.
- Lembaga Pertubuhan Peladang. (2017). *Farmers organization-introduction*. Diperoleh daripada <http://www.lpp.gov.my/farmers-organization-introduction;jsessionid=184DE3C739C4F50AE568B62380B229BC> [12 April 2017].
- Minot, N. (1986). *Contract farming and its effect on small farmers in less developed countries*. Working paper No. 31. Michigan State University. East Lansing, Michigan, USA. Diperoleh daripada <http://ideas.repec.org/p/ags/midiwp/54740.html>
- Minot, N., & Sawyer, B. (2016). *Contract farming in developing countries: Theory, practice, and policy implication*. Washington, D.C.: International Food Policy Research Institute (IFPRI).
- Miyata, S., Minot, N., & Hu, D. (2009). Impact of contract farming on income: Linking small farmers, packers, and supermarkets in China. *World Development*, 37(11), 1781–1790. Diperoleh daripada doi:10.1016/j.worlddev.2008.08.025
- Mohd Shaladdin Muda & Nik Wan Omar. (2006). Model peramal kepuasan kerja pegawai perkhidmatan pendidikan di komuniti pesisir Terengganu. *IJMS*, 13(Special Issue), 123–142.
- Muhammad Rizal Razman, Sakina Shaik Ahmad Yusoff, Shamsuddin Suhor, Rahmah Ismail, Azimon Abdul Aziz & Kartini Aboo Talib @ Khalid. (2011). Environmental protection towards freshwater resources for consumer quality of life with tort laws: Special focus on negligency. *Jurnal Perspektif*, 3(2), 1-11.
- Morgan, M. (2006). *Applying a gender lens to catalyst market development activities*.
- Morrison, P. S., Murray, W. E., & Ngidang, D. (2006). Promoting indigenous entrepreneurship through small-scale contract farming: The poultry sector in Sarawak, Malaysia. *Singapore Journal of Tropical Geography*, 27(2), 191–206. Diperoleh daripada doi:10.1111/j.1467-9493.2006.00253.x
- Mowforth, M., & Munt, I. (1998). *Tourism and sustainability: New tourism in the Third World*. New York: Routledge. Diperoleh daripada doi: 10.1177/1938965510362871
- Nor Malina Malek, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Khoo Suet Leng, Parthiban S. Gopal, Zahri Hamat. (2017). Kemampuan memiliki rumah dalam kalangan keluarga bandar di Malaysia. *Geografi*, 5(2), 69-77. Diperoleh daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/GetFinalFile.ashx?file=f14ddbbae-e2e9-4b7a-b756-b7c620e80242.pdf>
- Norizan Abdul Ghani. (2003). *Kualiti hidup penduduk pulau Negeri Terengganu: Satu kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Othman Talib. (2013). *Asas penulisan tesis, penyelidikan statistik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Pretty, J. N. (1995). Participatory learning for sustainable agriculture. *World Development*, 23(8), 1247–1263. Diperoleh daripada doi: 10.1016/0305-750X(95)00046-F

- Prowse, M. (2012). *Contract farming in developing countries - A review contract*. Paris: Frech Development Agency (Agence Française de Développement).
- Ramaswami, B., BIRTHAL, P. S., & Joshi, P. (2005). Efficiency and distribution in contract farming: The case Indian poultry growers. *Discussion Papers in Economics, 1*, 1–39.
- Rani, B. N. S. (2000). Globalization and contract farming in India-Advantages and problems. *Conference on Global Competition & Competitiveness of Indian Corporate*, pp 637–647.
- Rao, E.J.O. & Qaim, M. (2010). Supermarkets, farm household income and poverty: Insights from Kenya. *Joint 3rd African Association of Agricultural Economists and 48th Agricultural Economists Association of South Africa Conference*, hlm. 1–36. Germany: German Research Foundation (DFG).
- Sarmila, M. S., Ramli, Z., Lyndon, N., Azima, A. M., Suhana, S., Aznie, R. & Selvadurai, S. (2014). Pembangunan usaha tani melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR): Satu kajian kes. *Malaysian Journal of Society and Space, 10*(3), 134–147. Diperoleh daripada <http://www.ukm.my/geografia/v2/index.php>
- Sarmila, M. S., Zaimah, R., Lyndon, N., Azima, A. M., Suhana, S., & Aznie, C. R. R. (2015). Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pembangunan modal sosial komuniti: Kajian kes projek CSR perladangan cili kontrak. *Geografia, 11*(7), 104–115.
- Simmons, P., Winters, P. & Patrick, I. (2005). An analysis of contract farming in East Java, Bali, and Lombok, Indonesia. *Agricultural Economics, 33*(3), 513–525. Diperoleh daripada doi 10.1111/j.1574-0864.2005.00096.x
- Sokchea, A. & Culas, R. J. (2015). Impact of contract farming with farmer organizations on farmers' income: A case study of Reasmey Stung Sen Agricultural Development Cooperative in Cambodia. *Australasian Agribusiness Review, 23*, 1–11.
- Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. (2013). *Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013*. Putrajaya, Malaysia.
- Yusof, A. M., Ali, J., & Kamarudin, R. (2013). Kesejahteraan hidup: Kajian petani di kawasan penanaman padi di Negeri Perlis. *Prosiding Perkem VIII, 3*, 7–9.
- Yusrizal, A. (2013). *Kualiti hidup dan hubungannya dengan kualiti perkhidmatan serta kepuasan pelanggan: Satu kajian ke atas peserta Program Ladang Kontrak*. (Tesis Sarjana). Tidak diterbitkan. Universiti Utara Malaysia.
- Warning, M. & Key, N. (2002). The social performance and distributional consequences of contract farming: An equilibrium analysis of the *Arachide De Bouche* program in Segenal. *World Development, 30*(2), 255-263.